

KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : 20 OKTOBER 2017

40

KUALA LANGAT . SEPANG

JUMAAT 20 OKTOBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUDU KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAI - 019-6660920 / 019-3371066

Isi minyak hitam percuma dapat sambutan

PROGRAM Tukar Minyak Hitam di Selangor Dredging anjuran Ummo Bahagian Sepang dan Jasa Sepang mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk.

Ketua Ummo Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing hadir melihat sendiri sokongan penduduk setempat.

Menurutnya, pelbagai pihak tanpa

mengira fahaman politik menikmati perkhidmatan yang disediakan sebagai usaha memudahkan urusan perjalanan penunggang motosikal selain meringankan beban mereka.

Program tersebut dilabuh sebagai program mesra penduduk di mana pelbagai pihak turun padang memberikan kerjasama.



Marsum turut membantu menukar minyak hitam motosikal milik seorang penduduk di Balai Raya Selangor Dredging

JUALAN GUDANG AKHIR TAHUN 2017

BUKU & MAJALAH serendah RM1
"untuk buku-buku terpilih sahaja"

#jualangudangkarangkraf
27 OKT - 05 NOV 2017

09.00 PAGI - 07.00 MALAM

Kompleks Kumpulan Karangkraf
Lot 1, Jalan Renggam 15/5, Seksyen 15,
40200 Shah Alam Selangor.

Logos for various sponsors like Al-Qur'an, Sinar Harian, and others.

RTC Sungai Lang kini jadi tumpuan



Sebahagian peserta Program Teknik Penjagaan Muka Yang Betul mendengar taklimat yang disampaikan oleh Sarati (kanan) sambil diperhatikan oleh wakil sebuah syarikat kecantikan yang diketuai oleh Puteri Rabiatudawiah Ab Rahman (dua, kanan).

MEDAN Info Desa (RTC), Kampung Sungai Lang Tengah kini terus menjadi tumpuan rujukan masyarakat dalam mendapatkan pelbagai maklumat termasuk kelas pendidikan, kesihatan, keagamaan, masakan, kecantikan, pertanian bagi memberi peluang kepada penduduk sekitar.

Pengurus Mini Rural Transformation Centre (RTC) Sungai Lang Tengah, Sarati Rahman berkata, beliau mengakui kebanyakan penduduk tertarik dengan pelbagai aktiviti yang memberi peluang mereka mendapat pendedahan awal dengan kos yang paling minim dan sebagianya turut menawarkan perkhidmatan.

Menurutnya, peluang yang ada diihat membantu penduduk luar bandar menikmati pelbagai perkhidmatan yang dianjurkan sekali gus membantu menjana pendapatan.

"Ada yang datang untuk pengetahuan sendiri dan ada yang datang untuk diguna

pakai dalam perniagaan mereka, aktiviti macam ni memang dapat sambutan.

"Cumanya kita perlukan penyertaan pelbagai peringkat umur, dewasa, belia, lelaki dan perempuan supaya RTC ni jadi tumpuan pelbagai peringkat umur," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengulas mengenai aktiviti RTC berkolaborasi bersama wakil sebuah syarikat kecantikan dalam Program Teknik Penjagaan Muka Yang Betul di RTC Sungai Lang Tengah, kelmarin.

Sarati berkata, aktiviti kolaborasi terutama dalam aspek dandanan diri dan kesihatan seumpama ini sering menjadi tumpuan kerana ia adalah kegunaan harian setiap peserta.

Katanya, beliau tidak menolak kemungkinan hebahan melalui Facebook dan aplikasi WhatsApp antara sebab RTC Sungai Lang Tengah sentiasa menjadi tumpuan masyarakat.

Tengku Zatasha berkenan hadiri program pembersihan pantai

TENGKU Zatasha Sultan Sharafuddin Idris Shah berangkat menghadiri Program Hari Pembersihan Pantai Peringkat Negeri Selangor di pantai Morib, baru-baru ini.

Tengku Zatasha diiringi Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Dato Mohamed Tengku Harun dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor Elizabeth Wong sempat turut serta bersihkan kawasan pantai selain melihat keadaan persekitaran

pantai berkenaan.

Sementara itu, Adun Morib, Hasnul Baharuddin yang turut hadir dalam program berkenaan, bangga apabila pantai itu kini menjadi tumpuan pengunjung.

"Program ini berkesedaran kepada masyarakat selain membantu menarik kedatangan pengunjung baru."

"Sebagai wakil rakyat, saya harapkan produk pelancongan di Morib ini sentiasa diberi perhatian sekali gus menjaga imej pantai berkenaan," katanya.



Zatasha berkenan mengadakan lawatan ke pantai Morib sempena program berkenaan.